

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

Penggunaan *Standards for Undergraduate Programme*

[Pekeliling MQA Bil. 5/2025 bertarikh 27 Mac 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. *Standard For Undergraduate Programme* telah dibangunkan oleh MQA dan penggunaan akan berkuat kuasa pada 2 Ogos 2026.
- ii. MQA telah mengambil inisiatif membangunkan satu standard yang umum bagi memenuhi permintaan daripada pihak berkepentingan terutamanya PPT dalam membangunkan program yang tidak tertakluk kepada mana-mana standard khusus. Kandungan dokumen telah dibangunkan bersama panel pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan industri dengan mengambil kira perkembangan semasa pendidikan tinggi pada peringkat nasional dan antarabangsa.
- iii. Dokumen standard program ini dibangunkan berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia berdasarkan Kod Amalan MQA serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua 2024. Dokumen ini menggariskan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh PPT dalam merancang, membangunkan dan menawarkan program tahap *undergraduate* bagi memastikan keselarasan dengan piawaian kualiti pendidikan tinggi yang ditetapkan.
- iv. Dokumen ini akan menjadi rujukan kepada PPT dan panduan kepada pegawai serta Ahli Panel Penilai (APP) MQA dalam proses penilaian akreditasi program. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program yang tidak tertakluk kepada mana-mana standard program khusus sedia ada adalah tertakluk kepada penggunaan standard ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pematuhan Akreditasi. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard/dasar yang ditetapkan oleh MQA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), standard yang lebih tinggi adalah terpakai kecuali dinyatakan sebaliknya.
- v. Standard ini perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, dokumen jaminan kualiti yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi dan keperluan nasional serta antarabangsa.
- vi. Dokumen *Standard for Undergraduate Programme* ini akan berkuat kuasa pada 2 Ogos 2026 boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

vii. Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik (BAKD) atau PTJ lain yang menawarkan program prasiswazah perlu merujuk kepada dokumen standard program ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini mengikut ketetapan MQA seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	27 Mac 2025 - 1 Ogos 2026	<p>Tempoh transisi bagi semua program prasiswazah untuk mematuhi standard program.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Kohort pelajar yang diambil selepas transisi tamat perlu menggunakan pakai kurikulum baharu dalam standard program.ii. Kohort pelajar yang sedang berada dalam sistem boleh menggunakan pakai kurikulum sedia ada seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin menggunakan pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.	<p>Selepas 1 Ogos 2026 adalah kemasukan Semester Pertama 2026/2027.</p> <p>Kemasukan sebelum 2 Ogos 2026 iaitu Semester Kedua 2025/2026 dan sebelumnya boleh menggunakan kurikulum sedia ada.</p>

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Universiti Putra Malaysia
4 Jun 2025